

**Projek MRT Tawar Pelbagai Kesan Limpahan Ekonomi - Prasarana
Bernama
22 Ogos, 2011
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Syarikat Prasarana Negara Bhd mengulangi bahawa projek MY Rapid Transit (MRT) akan menawarkan faedah jangka panjang kepada orang ramai dan memberi pelbagai kesan limpahan ekonomi.

Pengarah kumpulan bahagian pembangunan projek syarikat milik kerajaan itu, Zulkifli Mohd Yusoff berkata projek MRT akan mengubah prasarana pengangkutan Kuala Lumpur, mengurangkan trafik dengan ketara, meningkatkan mobiliti serta mewujudkan peluang pekerjaan baru.

Ia juga akan memberi faedah kepada lebih 10 juta pengguna di Lembah Klang, kata beliau semasa sesi perbincangan dengan pemilik hartanah dekat Pasar Rakyat di sini.

"Sebanyak 20 lot akan diperoleh untuk untuk kerja-kerja terowong bawah tanah MRT iaitu hartanah di Jalan Kampung, Jalan Kamuning, Jalan Inai dan Jalan Utara," katanya.

Semasa perbincangan berkenaan, beberapa pemilik mempersoalkan kenapa mereka tidak dirunding terlebih dahulu apabila projek-projek di peringkat perancangan. Isu lain yang dibangkitkan termasuk jumlah ganti rugi.

Zulkifli berkata Jabatan Tanah dan Galian menguruskan proses pemerolehan tanah dan akan memanggil pihak yang terlibat untuk proses pendengaran bermula pada 5 Sept ini dan mereka yang terbabit boleh membangkitkan isu berkenaan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609723>